

Dr  
**Mohd Yahya Mohd Ariffin**



(Profesor Madya dan Timbalan Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia)

# Ambil peluang pengecualian PTPTN

**B**aru-baru ini Pengerusi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Datuk Ismail Mohamad Said mengumumkan pengecualian bayaran balik pinjaman itu membabitkan 4,430 graduan kerana berjaya mendapat ijazah sarjana muda kelas pertama atau setaraf.

Sehingga 30 Jun tahun ini, sebanyak 13,011 lulusan universiti awam dan swasta dikecualikan daripada membayar balik pinjaman kerana cemerlang dalam pelajaran yang membabitkan peruntukan sebanyak RM370.70 juta.

Angka yang besar ini menunjukkan bahawa kerajaan amat prihatin mengenai prestasi pelajar universiti dan sebagai ganjaran kepada kecermerlangan itu PTPTN mengecualikan mereka daripada membayar balik pinjaman.

Tanggungjawab sosial kerajaan memberi bantuan dalam bentuk pinjaman pelajaran setakat ini telah memberi manfaat kepada ratusan ribu pelajar institusi pengajian tinggi tempatan. Penulis percaya, ketika mendapat tawaran pinjaman PTPTN pelajar yang menghadapi masalah kewangan berasa gembira dan lega kerana dengan bantuan itu tercapai sudah cita-cita untuk ke universiti selain meringankan beban

ibu bapa terutama mereka daripada golongan kurang berkemampuan.

Selepas ditolak yuran pengajian dan asrama pelajar dapat menggunakan wang lebihan ini untuk urusan akademik dan kehidupan di kampus. Kegembiraan itu sewajarnya ditambah dengan ganjaran berupa pengecualian daripada membayar balik pinjaman PTPTN selepas tamat pengajian dengan syarat mendapat keputusan cemerlang dalam setiap semester.

Pengecualian ini sebenarnya banyak mengurangkan beban yang ditanggung oleh graduan apatah lagi yang baru bekerja. Jika tidak, anda perlu membayar balik pinjaman itu daripada gaji yang diperolehi setiap bulan sehingga selesai.

Contohnya, seorang pelajar mendapat pinjaman RM7,000 setahun dan tempoh pembiayaan selama tiga tahun. Tentunya selepas tamat pengajian pelajar ini diwajibkan membayar balik berjumlah RM21,000 di samping caj pengurusan yang dikenakan. Jumlah ini bukannya sedikit serta memerlukan masa yang panjang untuk membayar balik jika dibuat secara ansuran bulanan.

Ganjaran dalam bentuk pengecualian ini sewajarnya diambil peluang oleh semua

pelajar universiti yang meminjam PTPTN sama ada masih menuntut mahupun bakal pelajar yang akan mendaftar pada sesi pengajian 2012/2013 September ini.

Dalam hal ini anda perlu belajar bersungguh-sungguh dan tekun untuk memastikan mendapat keputusan yang cemerlang dalam setiap semester serta mengekalkannya sehingga tamat pengajian. Namun, bagaimanakah untuk mencapainya?



## PELAJAR CEMERLANG PERLU MENGHADIRI KULIAH, TUTORIAL DAN AMALI DI MAKMAL. KEHADIRAN INI MENYUMBANG KEPADA PEMARKAHAN SESUATU KURSUS"

**Strategi mendapat keputusan cemerlang**

**Menghadiri kuliah/tutorial/amali**

Pelajar yang ingin menjadi cemerlang perlu menghadiri kuliah, tutorial dan amali di makmal. Kehadiran ini menyumbang kepada pemarkahan sesuatu kursus itu. Bukan setakat menghadiri diri, sebaliknya memberi tumpuan dan perhatian

semasa kuliah, aktif memberi pandangan ketika tutorial serta melakukan aktiviti di makmal dengan sebaik mungkin. Usaha seperti ini bakal membuahkan hasil yang baik.

**Mengulang kaji**

Dalam kesibukan sebagai pelajar, gunakan masa yang terluang untuk mengulang kaji topik yang diikuti ketika kuliah. Pelajar perlu rajin membaca dan rajin mencari bahan

ri perasaan takut atau malu untuk berjumpa pensyarah sedangkan mereka sentiasa bersedia untuk membantu pelajar.

**Belajar berkumpulan**

Pelajar juga perlu berbincang dan bertukar-tukar pandangan dengan rakan sekuliah mengenai topik yang sukar supaya dapat memahami dengan lebih baik.

**Menyiapkan tugas dengan berkualiti**

Antara sebab mengapa pelajar tidak mendapat keputusan cemerlang ialah tugas yang dihasilkan itu kurang berkualiti. Peratus markah yang diperuntukkan untuk tugas lazimnya agak tinggi, malah mencecah lebih 50 peratus daripada markah keseluruhan. Oleh itu, beri perhatian kepada setiap tugas dengan memahami arahan pensyarah supaya hasilnya berkualiti.

**Menjawab peperiksaan dengan sebaiknya**

Jawab dengan sebaik mungkin dalam semua ujian, kuiz, peperiksaan pertengahan dan peperiksaan akhir jika ingin mendapat keputusan yang cemerlang. Komponen peperiksaan sangat penting dalam menentukan tahap pencapaian seseorang pelajar itu. Apa yang pasti, pelajar yang cemerlang mendapat markah

yang tinggi dalam setiap peperiksaan yang didudukinya.

**Menjalani latihan industri dengan berkualiti**

Pelajar universiti masa kini diwajibkan menjalani latihan industri di organisasi awam atau swasta. Lakukan dengan berkualiti seolah-olah anda sedang bekerja di organisasi itu. Tunjukkan minat, bakat dan kebijaksanaan yang dimiliki selain tekun belajar dan bekerja aspek amali. Kesungguhan anda itu akan mendorong penyelia industri memberi laporan yang baik dengan markah yang cemerlang.

Selain itu, mungkin boleh menarik minat penyelia untuk mencadangkan kepada majikannya melantik anda sebagai pekerja mereka selepas tamat pengajian. Dalam hal ini, terdapat beberapa pelajar saya ditawarkan pekerjaan di organisasi sama mereka menjalani latihan hasil daripada keupayaan yang ditunjukkan sepanjang tempoh itu.

**Berdoa**

Pelajar perlu mengiringi semua usaha di atas dengan memohon doa kepada Allah SWT supaya dipermudahkan pengajian seterusnya beroleh keputusan peperiksaan yang cemerlang. Berdoalah juga untuk rakan seperjuangan agar bersama-sama memperoleh kecemerlangan.